

Kesediaan Pelajar dalam M-Pembelajaran bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah

Mohd Zulhasnan Mat
Kolej Komuniti Tawau
mohdzulhasnan@gmail.com

Fadli Bacho
Kolej Komuniti Tawau
fadlibacho@gmail.com

Sharifuddin Rapin
Kolej Komuniti Tawau
sharifuddin7260@gmail.com

Abstract

The main aim of this study was to observe student's readiness towards m-learning in teaching and learning process. The respondents in this study were 140 students who was enrolled in various program at Kolej Komuniti Tawau, Sabah. The method of this study was survey research by using questionnaire instrument to get feedback from respondents. Main objective of this study was to indicate readiness among teaching and learning implementation during class. Data of this study have been analysed with IBM SPSS Statistic version 24. The findings of this study indicated that the respondents had a high level of personal knowledge, suitability and acceptance towards m-learning. Data of analysis showed that mean score value of three dimension of main study's focus was 4.27. Through t-test, the result show that there was no difference between gender towards m-learning. Thus, study findings also showed that student has no constraint to apply m-learning in teaching and learning process.

Keywords: *m-learning, student's readiness, knowledge*

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan pelajar terhadap aplikasi m-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Seramai 140 orang pelajar sesi Disember 2018 yang sedang mengikut program pengajian di Kolej Komuniti Tawau, Sabah menjadi subjek kajian. Metod kajian berupa kaedah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklum balas daripada responden kajian. Pengkaji ingin mengkaji tahap kesediaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Data kajian telah dianalisis dengan perisian *IBM SPSS Statistics* versi 24. Hasil analisis deskriptif menunjukkan responden mempunyai tahap kesediaan penggunaan m-pembelajaran yang tinggi berdasarkan tiga dimensi kajian iaitu pengetahuan, kesesuaian dan penerimaan. Analisis kajian menunjukkan min keseluruhan ketiga-tiga dimensi kajian adalah tinggi iaitu nilai skor min 4.27. Melalui analisis ujian-t, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan terhadap penggunaan m-pembelajaran dengan jantina dalam kalangan pelajar. Justeru, hasil dapatan kajian turut menunjukkan bahawa para pelajar tidak mempunyai kekangan untuk mengaplikasi m-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci : m-pembelajaran, kesediaan pelajar, pengetahuan

1.0 Pengenalan

Institusi pendidikan merupakan pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang menjadi asas penting bagi sesebuah negara. Semakin berkualiti pendidikan di Malaysia, maka semakin kuat asas bangsa dan negara ini untuk menyelusuri era baharu yang mendatang dan penuh dengan persaingan. Salah satu kunci kejayaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan adalah dengan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam dunia pendidikan.

Dunia pendidikan di Malaysia juga tidak ketinggalan untuk merintis kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Penerapan teknologi maklumat yang diperlukan dalam sektor pendidikan di Malaysia ketika ini adalah pelaksanaan m-pembelajaran (pembelajaran mudah alih). Menurut Mariam dan Wollard (2010) aplikasi m-pembelajaran yang selaras dengan kemajuan teknologi maklumat masih dianggap terlalu awal di Malaysia. Negara maju seperti Eropah dan Amerika telah lama mengamalkan dan mempraktikkan kaedah m-pembelajaran. Untuk itu, pemahaman dan kesediaan dari tenaga pengajar dan juga pelajar amat diperlukan agar strategi pelaksanaan m-pembelajaran dapat dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

Minat dan kecenderungan terhadap pengaplikasian m-pembelajaran dalam proses pembelajaran dan pengajaran telah ditunjukkan oleh pengkaji tempatan dengan terbitnya beberapa kajian awal terhadap bidang m-pembelajaran. Saran, Cagiltay dan Seferoglu (2008) dalam kajiannya mendapati m-pembelajaran menggunakan peralatan telefon bimbit telah meningkatkan kemahiran pelajar bagi subjek Bahasa Inggeris dengan menggunakan bahan multimedia. M-pembelajaran merupakan aplikasi teknologi mudah alih yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau kuliah (Saedah, 2004). Kefahaman dan daya ingatan pelajar dapat dipertingkatkan melalui penggunaan m-pembelajaran (McCann, 2015). Perkembangan minat pelajar terhadap peralatan mudah alih membuka ruang kepada pelaksanaan pendidikan berteraskan m-pembelajaran (Syed Yahya, Syed Ardi dan Zaidatun, 2008). Justeru, kelebihan integrasi melalui m-pembelajaran dapat menyebarkan penglibatan dan seterusnya meningkatkan dinamika pelajar dalam PdP.

2.0 Kajian literatur dan pembinaan hipotesis

M-pembelajaran memudahkan interaksi antara tenaga pengajar atau pensyarah dengan pelajar. Maklumat dan komunikasi yang dikongsi antara pelajar melalui interaksi sosial pada alat mudah alih berjaya menggalakkan peluang untuk bekerjasama dalam talian (Barhoumi, 2015). Interaksi ini melibatkan perkongsian maklumat atau pendapat tentang perkara-perkara berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mahupun hal-hal yang melibatkan perkembangan sendiri pelajar. Menerusi m-pembelajaran, pensyarah boleh berkongsi bahan-bahan PdP atau tugas akademik dalam laman sesawang atau aplikasi telefon pintar untuk memudahkan akses kepada pelajar. M-pembelajaran membolehkan maklumat pembelajaran dicapai tanpa mengira tempat dan masa selagi berada dalam ruang atau tempat yang mempunyai capaian teknologi tanpa wayar. Menurut Aliff, Mohd Isa dan Azwin (2015) m-pembelajaran telah menunjukkan perbezaan kaedah

yang diaplikasi berbanding pembelajaran konvensional. Proses mengintegrasikan m-pembelajaran dalam persekitaran bilik darjah menjadi tindakan yang sukar jika pensyarah tidak merebut peluang untuk menggunakan teknologi mudah alih dalam pengajaran dan pembelajaran.

Almutairy, Davies dan Dimitriadi (2015) melaksanakan kajian tentang kesediaan pelaksanaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar Arab Saudi di institusi pengajian tinggi dari universiti tempatan di United Kingdom. Seramai 131 orang responden terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian itu menunjukkan bahawa para pelajar yakin dengan menggunakan peranti mudah alih dalam kehidupan seharian mereka dan mereka bersedia menerima m-pembelajaran serta menggunakannya dalam pembelajaran. Penemuan ini memperkuat fakta bahawa pembuat dasar pendidikan tinggi Arab Saudi perlu mempertimbangkan kemungkinan mewujudkan persekitaran m-pembelajaran di institusi akademik.

Chaka dan Govender (2017) dalam kajiannya telah memberi fokus kepada kesediaan pelajar institusi pengajian tinggi di bahagian utara negara Nigeria. Seramai 323 responden yang mewakili tiga kluster institusi yang terdapat di Nigeria telah menjadi sampel kajian ini. Data kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan dalam persekitaran m-pembelajaran dengan keinginan responden. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan responden untuk menerima m-pembelajaran adalah positif dan sederhana. Tahap sederhana ini antaranya disebabkan kekangan infrastruktur penyediaan teknologi mudah alih, bekalan kuasa yang kurang dan isu keselamatan.

2.1 Isu kajian

Perkembangan teknologi informasi dan maklumat yang pesat semakin mendapat perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia kerana dapat memberi peluang untuk meningkatkan motivasi para pelajar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan m-pembelajaran di kolej komuniti belum dilaksanakan sepenuhnya secara menyeluruh. Kaedah pembelajaran konvensional tanpa menggunakan aplikasi telefon pintar ditambah dengan teknologi mudah alih masih lagi menjadi intipati utama dalam PdP di kolej komuniti amnya, Kolej Komuniti Tawau khususnya. Justeru, pengkaji mendapati bahawa aplikasi m-pembelajaran merupakan salah satu peluang untuk menggabungkan aplikasi peranti mudah alih seperti telefon pintar dengan pendidikan. Selanjutnya, menerusi kajian ini pengkaji akan melihat sejauh mana aplikasi telefon pintar yang dimiliki oleh pelajar sedia untuk digunakan dalam proses PdP.

2.2 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kesediaan pelajar terhadap m-pembelajaran yang melibatkan para pelajar sesi Disember 2018 di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Antara objektif utama pelaksanaan kajian ini adalah;

- a. Mengetahui tahap kesediaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar.
 - b. Mengetahui perbezaan tahap kesediaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar mengikut jantina.
- Persoalan kajian ini adalah;

- i. Apakah tahap kesediaan terhadap m-pembelajaran dalam kalangan pelajar?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap kesediaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar mengikut jantina?

Manakala, hipotesis kajian ini adalah:

- a. Hipotesis 1:
Tahap kesediaan terhadap m-pelajaran adalah tinggi dalam kalangan pelajar.
- b. Hipotesis 2:
Terdapat perbezaan tahap kesediaan terhadap m-pembelajaran dalam kalangan pelajar mengikut jantina.

Kajian ini memberi kepentingan kepada institusi dan pelajar di Kolej Komuniti Tawau khususnya. Dapatan kajian ini mampu berperanan sebagai indikator untuk pelaksanaan m-pembelajaran dalam PdP. Selain itu, melalui m-pembelajaran pelajar dapat mengakses maklumat dengan lebih mudah, kreatif dan *paperless*. M-pembelajaran juga menjadi langkah untuk menyahut cabaran era IR4.0 yang memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi. Selain itu, ekosistem inovatif dan kreatif akan dapat diwujudkan selaras dengan era globalisasi di Kolej Komuniti Tawau.

3.0 Metod kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan (survey) dengan instrumen soal selidik yang telah dibangunkan berdasarkan kajian terdahulu pengkaji lepas. Alat ukur kajian ini telah diadaptasi daripada soal selidik yang dibangunkan dalam kajian Md Yusoff, Fariza, dan Norhayati (2016). Seramai 140 responden telah menjadi sampel kajian. Alat ukur kajian berupa satu set soal selidik yang terkandung maklumat-maklumat seperti berikut:

- a. Profil Responden
- b. Pengetahuan (5 item)
- c. Kesesuaian (5 item)
- d. Penerimaan (5 item)

Jadual 1 menunjukkan item kajian mengikut dimensi yang diukur.

Jadual 1: Instrumen kajian

Dimensi	No. Item	Pernyataan item
Pengetahuan	1	Saya suka menggunakan telefon mudah alih untuk mencari maklumat
	2	Maklumat mudah dan cepat diperoleh melalui penggunaan telefon mudah alih
	3	Saya gemar menggunakan telefon mudah alih dalam mencari maklumat berbanding laptop
	4	Tahu tentang wujudnya sistem m-pembelajaran (pembelajaran mudah alih)
	5	M-pembelajaran (pembelajaran mudah alih) merupakan suatu kaedah baharu dalam memudahkan proses pembelajaran

Kesesuaian	6	Kemudahan m-pembelajaran akan memberansangkan pembelajaran saya
	7	Perkongsian maklumat dan nota dalam kelas lebih mudah dengan menggunakan telefon mudah alih
	8	M-Pembelajaran (pembelajaran mudah alih) boleh dilaksanakan untuk penambahbaikan proses pembelajaran dan pengajaran
	9	M-pembelajaran memberi pendedahan kepada pelajar akan dapat mendekatkan diri pelajar dengan kemajuan teknologi
	10	M-pembelajaran sangat sesuai menjadi panduan untuk pelajar dalam membuat tugas
Penerimaan	11	Saya berminat untuk menggunakan m-pembelajaran dalam kelas
	12	Saya memilih kaedah m-pembelajaran sebagai cara saya belajar
	13	Saya bersedia untuk menggunakan m-pembelajaran setiap masa
	14	Saya bersetuju m-pembelajaran diaplikasikan di kolej dalam proses pembelajaran
	15	M-pembelajaran merupakan suatu bentuk pembelajaran yang menarik dan berinteraktif


Sebanyak 15 item yang mengukur tahap kesediaan pelajar terhadap m-pembelajaran. Item soal selidik ini mempunyai tiga dimensi iaitu pengetahuan, kesesuaian dan penerimaan pelajar dalam m-pembelajaran.

3.1 Kajian rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan item soal selidik kajian ini. Pengkaji dapat sesuaikan tempoh masa menjawab soal selidik yang ideal dalam kajian sebenar. Seramai 20 orang pelajar semester tiga menjadi responden dalam kajian rintis ini. Analisis dapatan data kajian rintis ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $\alpha=0.87$. Justeru, alat ukur ini boleh diaplikasi dalam kajian sebenar kerana Nunnally et al. (1994; Noraffandy & Ling, 2011) menyatakan nilai Alpha Cronbach $\alpha > 0.6$ mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

4.0 Keputusan kajian

Data-data yang diperoleh hasil daripada respon semua sampel kajian telah diproses melalui perisian *IBM SPSS Statistics 24*. Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Rajah 1 menunjukkan profil responden yang telah menjadi subjek kajian ini. Seramai 95 lelaki (68%) dan 45 orang perempuan (32%) menjadi sampel kajian yang telah memberi kerjasama untuk menjawab instrumen soal selidik.



Rajah 1: Profil responden kajian

Dapatan data Jadual 2 pula menunjukkan markah mengikut tahap kesediaan pelajar dalam m-pembelajaran bagi pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Intrepretasi skor min untuk kajian ini adalah berdasarkan Azhar (2006) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.99	Sederhana
4.00 – 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar (2006)

Berdasarkan data pada Jadual 3, dapat dilihat bahawa seramai 118 orang responden (84.3%) mempunyai tahap kesediaan yang tinggi terhadap m-pembelajaran manakala hanya 22 orang (15.7%) pada tahap sederhana. Justeru, 84.3% responden cenderung untuk mengaplikasikan m-pembelajaran dalam proses PdP di Kolej Komuniti Tawau.

Jadual 3: Tahap kesediaan M-pembelajaran (n=140)

Tahap kesediaan m-pembelajaran	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi	118	84.3
Sederhana	22	15.7
Rendah	-	-
Jumlah	140	100

Jadual 3: Tahap kesediaan M-pembelajaran mengikut jantina (n=140)

	Tinggi	%	Sederhana	%	Jumlah
Lelaki	81	68.6	14	63.6	95
Perempuan	37	31.4	8	36.4	45
Keseluruhan	118	100	22	100	140

Jadual 3 menunjukkan perbandingan tahap kesediaan M-pembelajaran mengikut jantina dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau. Dapatan keputusan data menunjukkan seramai 81 orang responden (68.6%) lelaki dan 37 responden perempuan (31.4%) mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam kesediaan kepada m-pembelajaran. Manakala 14 orang responden lelaki (63.6%) dan 8 orang responden perempuan (36.4%) mempunyai tahap kesediaan yang sederhana sahaja.

Jadual 4: Analisis keseluruhan dimensi tahap kesediaan M-pembelajaran (n=140)

Dimensi	Min
Pengetahuan	4.29
Kesesuaian	4.31
Penerimaan	4.20
Min keseluruhan	4.27

Data kajian dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa hipotesis pertama (H1) diterima kerana tahap kesediaan terhadap m-pembelajaran adalah tinggi dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau dengan skor min keseluruhan 4.27.

Seterusnya, perbezaan tahap kesediaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar mengikut jantina diukur menggunakan analisis ujian-*t* sampel bebas. Jadual 5 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara jantina dalam tahap kesediaan m-pembelajaran ($t_{(140)}=7.215$ *p-value* $0.259 > 0.05$). Lantaran itu, hipotesis kedua (H2) ini ditolak kerana skor min pelajar lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan dalam tahap kesediaan m-pembelajaran. Data analisis kajian ini selari dengan dapatan kajian Al-Hunaiyyan, Al Sharhan dan Alhajri (2017) yang melibatkan 132 sampel pelajar institusi pengajian tinggi di negara Kuwait. Hal ini disebabkan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai minat yang hampir sama dalam mencari maklumat melalui aplikasi telefon pintar.

Jadual 5: Analisis ujian-*t* sampel bebas perbezaan tahap kesediaan m-pembelajaran mengikut jantina (n=140)

	<i>n</i>	<i>t</i>	<i>p-value</i>
Lelaki	95	7.215	0.259
Perempuan	45		

5.0 Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan m-pembelajaran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa para pelajar di Kolej Komuniti Tawau bersedia untuk mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran yang berasaskan teknologi komunikasi seperti kaedah m-pembelajaran. Di samping itu, menerusi dapatan data, dapat dilihat di sini bahawa para pelajar tidak mempunyai kekangan pengetahuan dalam m-pembelajaran. Kaedah pembelajaran yang berorientasikan m-pembelajaran mempunyai kesesuaian dan penerimaan yang tinggi dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau.

Justeru, melalui kajian ini secara tidak langsung menggalakkan proses PdP berbantuan aplikasi telefon pintar. Para pensyarah akan terdorong untuk menghasilkan produk inovasi aplikasi telefon pintar sejajar dengan kecenderungan para pelajar dalam kesediaan m-pembelajaran dalam situasi sebenar.

Namun begitu, kajian ini terbatas kepada para pelajar Kolej Komuniti Tawau yang sedang mengikuti pengajian untuk sesi Disember 2018 sahaja. Data-data dan maklumat kajian yang berkaitan adalah untuk melihat tahap kesediaan pelajar terhadap m-pembelajaran. Justeru, kebanyakan maklumat dalam kajian ini diperolehi daripada dapatan soal selidik kajian. Selain itu, data kajian ini juga tidak boleh mewakili kesediaan pelajar terhadap m-pembelajaran di kolej komuniti lain. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini boleh dipanjangkan kepada pihak pengurusan tertinggi untuk peningkatan mutu penyampaian PdP selaras dengan perkembangan revolusi penindustrian 4.0.

6.0 Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian yang memberi fokus akan tahap kesediaan pelajar Kolej Komuniti Tawau terhadap m-pembelajaran. Data kajian menunjukkan ketiga-tiga dimensi iaitu pengetahuan, kesesuaian dan penerimaan pelajar terhadap m-pembelajaran berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, pelajar Kolej Komuniti Tawau mengalu-alukan idea untuk mengintegrasikan m-pembelajaran dalam proses PdP. Justeru, data kajian yang diperolehi boleh dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi untuk diperhalusi dalam memberi sokongan berbentuk kewangan bagi penyediaan kemudahan teknologi tanpa wayar secara meluas di institusi pendidikan amnya dan kolej komuniti khususnya. Lantaran itu, hal ini diharapkan akan menjadi pemangkin kepada peningkatan tahap kesediaan m-pembelajaran para pelajar kolej komuniti seiring dengan pelajar IPT yang lain.

Rujukan

al-Hunaiyyan, A., Al-Sharhan, S., & Alhajri, R. (2017). A new mobile learning model in the context of the smart classrooms environment: A holistic approach. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 11 (3), 39-56.

Aliff N., Mohd Isa H. & Azwin A. R. (2015). Teachers acceptance of mobile learning for teaching and learning in Islamic education: a preliminary study. *Turkish Online Journal of Distance Education (TOJDE)*, 16 (1).

Azhar, A. (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di sarawak*. Tesis PhD, Bangi: UKM.

Barhoumi, C. (2015). The effectiveness of WhatsApp mobile learning activities guided by activity theory on students' knowledge management. *Contemporary Educational Technology*, 6, (3), 221-238.

Hamdan, Rosseni D., & Siti Zuraida A. M. (2012). *Penerimaan m-pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui the unified theory of acceptance and use of technology (UTAUT): satu analisis literatur*. 1st International Conference on Mobil Learning, Applications, and Services. (pp 93-97).

Chaka. J.G. & Govender, I. (2017). *Students' perceptions and readiness towards mobile learning in colleges of education: a Nigerian perspective*. South African Journal of Education, 37.

Mariam M. & J. Woollard. (2010). *Bringing change in secondary schools: can mobile learning via mobile phones be implemented in Malaysia?*. 4th International Malaysian Educational Technology Convention. (pp. 1-13). Kuala Lumpur, Malaysia.

McCann, S. (2015). Higher order m-Learning: critical thinking in mobile learning. MODSIM World. Paper 28, 1-11.

Md Yusoff, D., Fariza, K. & Norhayati, Y. (2016). *Tahap kesediaan pelajar prasiswazah UKM dalam penggunaan m-pembelajaran*. International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016).

Noraffandy Y. & Ling, N. N. (2011). Kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar tahun kedua kursus sarjana muda sains, komputer serta pendidikan, fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia-satu tinjauan. *Jurnal of Educational Social Science*, 1, 121-140.

Saedah S. (2004). Pembelajaran mobil dalam kurikulum masa depan. *Masalah Pendidikan*, 27, 128-142.

Saran, M., Cagiltay, K., Seferoglu, G. (2008). *Use of mobile phones in language learning: developing effective instructional materials*. 5th IEEE International Conference on Wireless, Mobile, and Ubiquitous Technology in Education (pp.39-44). Beijing, China.

Almutairy, S., Davies, T. & Dimitriadi, Y. (2015). The Readiness of Applying M-Learning among Saudi Arabia Students at Higher Education. *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 9, (3), 33-36.

Syed Yahya Kamal, Syed Ardi, & Zaidatun, T. (2008). *Pembelajaran masa depan mobile learning (m-learning) di malaysia*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah 2008. Universiti Teknologi Malaysia.